

From: Jabatan Pendaftar
Sent: Ahad, 17 Januari 2021 4:16 ptg
To: UUM - All Staff
Subject: PERINGATAN: PEMATUHAN TERHADAP LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19



17 JANUARI 2021
04 JAMADILAKHIR 1442H

PERINGATAN: PEMATUHAN TERHADAP LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19

Y.Bhg. Dato' /Prof/Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Sepertimana Y. Bhg. Dato' /Prof./tuan/puan sedia maklum, bilangan kes baharu harian dan trend jangkitan COVID-19 berterusan mencatatkan peningkatan sejak kebelakangan ini.

2. Memandangkan bahawa penularan virus ini telah mula merebak dalam komuniti, maka tanggungjawab untuk memutuskan rantai jangkitan adalah sangat bergantung kepada kerjasama dan kepatuhan semua anggota masyarakat.

3. Sehubungan dengan itu, Pengurusan Universiti ingin mengingatkan staf agar sentiasa mematuhi segala arahan terkini yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dan Universiti serta melaksanakan kawalan sendiri terutamanya dalam perkara berikut:-

- a) Sentiasa memakai pelitup separuh muka apabila berada di tempat awam yang sesak, amalkan penjarakan fizikal, kerap mencuci tangan dengan sabun dan air atau cecair sanitasi seperti mana yang sering ditekankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu elakkan 3S (elakkan kawasan yang sesak, sempit dan sembang dengan jarak yang dekat) dan amalkan 3W (Amalkan Wash, Wear dan Warn);
- b) Mengelak dari mengunjungi kawasan yang diisytiharkan sebagai zon Merah (41 kes dan ke atas), zon berisiko tinggi (21 hingga 40 kes) serta kawasan yang sedang melaksanakan arahan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD);

- c) Staf yang telah diberikan surat perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO) dan dipakaikan gelang tangan (wristband) atau dikenalpasti mempunyai kontak rapat dengan individu positif COVID-19 perlu segera memaklumkan kepada Pengarah Pusat Kesihatan Universiti (PKU) untuk perakuan bagi mendapat kelulusan ketua PTJ untuk bekerja dari rumah (BDR);
 - d) staf yang diberikan tugas secara BDR hendaklah terus kekal berada di rumah dan sentiasa mematuhi garis panduan yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/2020: Dasar Bekerja Dari Rumah 21 Disember 2020 bertarikh 21 Disember 2020;
 - e) Semua Seminar/ Bengkel / Kursus/ Latihan/ Persidangan/ Ceramah/ Pameran Perdagangan dan aktiviti berkaitan dengan '*incentives, conventions and exhibitions*' adalah tidak dibenarkan kecuali latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan boleh dilaksanakan hanya dalam kawasan kampus Universiti sahaja dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Universiti, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM;
 - f) Mesyuarat secara bersemuka bagi urusan rasmi/kerja yang diadakan di pejabat, hotel dan lain-lain institusi adalah dibenarkan dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan hanya 50% kapasiti bilik mesyuarat. Namun begitu ianya digalakkan untuk dilaksanakan secara '*virtual*'; dan
 - g) Mengisi UUM CODSA pada setiap hari sebagai makluman awal status kesihatan kepada PKU dan bagi mencegah penularan COVID-19 di dalam kampus.
4. Semoga dengan segala inisiatif ini, kita akan dapat menghindari dari dijangkiti COVID-19 dan seterusnya membantu negara dalam mengatasi pandemik ini.

Sekian, terima kasih.

#kitajagakita.

Pendaftar
Universiti Utara Malaysia



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.